

28/01/2004

Isu WMD tentukan nasib Bush, Blair pada pilihan raya

Rejal Arbee

PENGAKUAN Ketua Pemburu Senjata Pemusnah Besar Amerika Syarikat di Iraq, David Kay hujung minggu lalu bahawa Iraq sememangnya tidak mempunyai senjata itu tidak memeranjatkan.

Hanya Presiden George W Bush dan konconya Perdana Menteri Britain Tony Blair serta pegawai kanan White House masih membuta tidak mahu menerima kebenaran. Tetapi apakah mungkin Bush akan menghadapi tindakan membawa kepada pemecatan (impeachment) oleh Kongres Amerika dan Blair undi tidak percaya di Parlimen Britain?

Kenyataan Kay itu mengukuhkan lagi tuduhan pengkritik Bush bahawa dia sengaja mengada-adakan perkara itu untuk memberinya alasan untuk menyerang Iraq. Bagi ramai yang menentang serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq pengakuan Kay itu bukanlah suatu perkara yang menggemparkan kerana ramai rakyat Amerika menyedari pembohongan Bush itu.

Perakuan Kay itu hanyalah sekadar mengesahkan pandangan bahawa Bush sememangnya tidak mempunyai alasan langsung untuk menyerang Iraq.

Tetapi kedua-dua Bush dan Blair masih berkeras dengan dakwaan kononnya mereka mempunyai bukti kukuh ketika membuat tuduhan terhadap Iraq. Alasan itulah yang digunakan Bush untuk melancarkan serangan ke atas Iraq tahun lalu.

Malah Bush dalam ucapan 'State of the Union' Selasa lalu hanya beberapa hari selepas Kay mengemukakan laporannya yang menolak kemungkinan terdapat senjata pemusnah besar (WMD) di Iraq masih mempertahankan pendiriannya itu sebagai benar.

Tetapi kali ini Bush tidak lagi menuduh Iraq mempunyai senjata WMD. Sebaliknya beliau telah menyorot kepada kenyataan Kay bahawa pasukannya telah mengenal pasti Saddam Hussein terbabit dalam beberapa aktiviti berkaitan dengan program untuk membina WMD.

Bush tidak pula menjelaskan bagaimana wujudnya program WMD di Iraq boleh disamakan dengan tuduhan bahawa Saddam sudah pun mempunyai senjata WMD dalam simpanannya.

Sekali pun Saddam mempunyai program untuk membuat WMD ia tidak sama dengan tuduhan yang dilemparkan sebelum ini bahawa Iraq menyorok WMD. Malah Blair begitu yakin memberitahu Parlimen Britain Saddam mempunyai kebolehan melancarkan WMD ke arah negara Inggeris itu hanya dalam tempoh 45 minit saja.

Terakhir, Setiausaha Negara Amerika Colin Powell terpaksa mengakui bahawa beliau kini meragui senjata WMD yang dituduh dimiliki Saddam akan dapat dijumpai bila-bila masa pun.

(Sebagaimana pernah dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum Amerika menyerang Iraq lagi, bagaimana hendak menjumpai WMD kalau senjata itu tidak ada). Demikian pula Menteri Pertahanan Britain pada masa peperangan ke atas Iraq dilancarkan, Lewis Moonie berpendapat bahawa Britain mungkin akan terpaksa mengakui ia salah membuat tuduhan itu terhadap Iraq.

Hakikat Iraq tidak mempunyai WMD sudah lama disiarkan oleh beberapa laman web di internet. Tetapi kenyataan demikian yang boleh menggugat kewibawaan pentadbiran Rumah Putih tidak dihiraukan media arus perdana Amerika, baik akhbarnya mahupun rangkaian TVnya.

Media ini secara berterusan mempertahankan 'kebenaran' tuduhan Bush sehinggalah mereka tidak boleh menegakkannya lagi berikutan dengan laporan Kay.

Kini kedua-dua Bush dan Blair dijangka menempuh masa depan mereka secara berbeza apabila menghadapi pengundi mereka menjelang akhir tahun ini.

Blair mungkin menghadapi risiko disingkirkan sebagai pimpinan parti Buruh kerana dikaitkan dengan tindakan yang membawa kepada Dr David Kelly ketua pegawai sains Kementerian Pertahanan Britain yang juga seorang pakar senjata yang meragui tuduhan Blair mengenai WMD Iraq, membunuh diri.

Berikutan dengan peristiwa itu satu penyiasatan telah dijalankan oleh Lord Hutton bagi mencari kebenaran hingga membawa kepada kematian Kelly.

Pakar senjata itu dikatakan mendapat tekanan teruk hingga membunuh diri setelah namanya dibocorkan sebagai pegawai yang memberikan maklumat kepada BBC yang menyiarkan berita bahawa pejabat Perdana Menteri Britain bertanggung jawab mengarahkan laporan mengenai adanya WMD di Iraq ditokok tambah bagi menunjukkan bahawa Iraq sememangnya boleh mengancam keselamatan Britain.

Laporan itu akan diumumkan hari ini dan mungkin memberikan kesan buruk kepada Blair. Sebelum ini pun Blair menghadapi kemungkinan hilang kepercayaan daripada anggota Parti Buruhnya sendiri di Parlimen kerana rancangannya hendak menaikkan yuran universiti.

Bush lebih bernasib baik kerana sehingga kini pun belum timbul ura-ura beliau dihadapkan kepada Kongres Amerika (Dewan Rakyat) untuk menghadapi sebarang bentuk tindakan membawa kepada pemecatan (impeachment) kerana membohongi rakyatnya.

Beliau dikatakan masih mempunyai kemungkinan besar dipilih semula sebagai Presiden Amerika dalam pemilihan presiden November ini. Malah seorang `evangelist' Kristian yang banyak mempengaruhi Bush sebagai seorang `born again Christian', Pat Robertson pernah mendakwa beliau bermimpi tuhan memberitahunya Bush akan dipilih semula.

Kemungkinan ini tidak boleh dipandang ringan kerana walaupun ramai yang menyoal Bush dan menuduhnya sebagai seorang pembohong, kebanyakan daripada mereka ini tidak akan keluar mengundi.

Kebiasaannya kurang daripada separuh keseluruhan pengundi di Amerika keluar mengundi. Kiranya Bush dipilih semula walaupun dengan mendapat undi terbanyak hingga 60 peratus (suatu peratusan yang tinggi) daripada mereka yang membuang undi, ini bermakna Bush telah dipilih oleh hanya sekitar 25 peratus daripada keseluruhan pengundi Amerika.

Inilah demokrasi Amerika yang begitu bangga dilaung-laungkan untuk dieksport ke mana saja pelosok dunia yang dianggap tidak bebas. Demokrasi begini menetapkan setiap rakyat berhak mengundi atas dasar seorang mempunyai satu undi.

Anehnya prinsip ini tidak akan diguna pakai dalam pemilihan di Iraq, walaupun mereka melaung-laungkan Saddam digulingkan bagi membolehkan demokrasi dapat diwujudkan dalam negara malang itu.

Tentunya Amerika buat masa ini tidak sanggup membenarkan prinsip seorang satu undi kerana takutkan Iraq nanti dikuasai puak terbanyak yang tidak akan mengikut telunjuknya. Kalau keadaan demikian ini berlaku, sia-sia sajalah Amerika mengorbankan beratus-ratus pemuda pemudinya yang gugur di Iraq dan beribu-ribu lain yang cedera parah termasuk ramai yang kehilangan kaki atau tangan.

Kita di Malaysia sebagaimana juga ramai di seluruh dunia tentunya hairan bagaimana Bush masih boleh mendapat sokongan rakyat Amerika walau pun jelas dia telah membohongi mereka dan dunia keseluruhannya bahawa Iraq adalah sebuah negara berbahaya yang boleh mengancam keselamatan Amerika dan dunia.

Kononnya senjata WMD itu boleh pula dibekalkan kepada pengganas dunia seperti Osama bin Laden dan kumpulan Al Qaeda. Kini terbukti Iraq tidak mempunyai WMD.

Demikian juga tidak wujud pertalian antara al Qaeda dan Saddam. Oleh

itu, penyingkiran Saddam dan penaklukan Iraq tidak kena mengena dengan WMD dan kemungkinan senjata itu jatuh ke tangan pengganas. Terbukti juga Iraq tidak mungkin boleh mengancam keselamatan Amerika apatah lagi dunia.

Tetapi hakikat ini tidak menjadi penghalang kepada Bush dan penasihatnya kerana mereka dengan mudah boleh mengaburi mata rakyat mereka dengan menggambar-gemburkan semangat patriotik mereka untuk mempertahankan negara daripada ancaman pengganas.

Musnahnya Pusat Perdagangan Dunia (WTC) di New York yang berupa ikon kapitalisme Amerika dan serangan ke atas Pentagon di Washington DC, iaitu lambang kekuasaan dan kekuatan ketenteraannya yang juga dapat dibolosi pengganas dieksploitasi sepenuhnya oleh pembantunya itu yang terdiri daripada golongan yang dilabelkan sebagai 'neocon' untuk menyerang Iraq.

Mereka berjaya memperalatkan peristiwa September 11 2001 itu dalam kerangka yang bermatlamat mendominasi dunia.

Dalam pada itu semakin ramai rakyat Amerika Syarikat sudah mula mempersoalkan dasar luar Presiden Bush yang telah menimbulkan perbalahan dengan banyak negara luar termasuk negara bersekutunya.

Sememangnya Amerikalah saja satu-satunya kuasa dunia sekarang berikutan dengan kejatuhan kuasa Soviet Russia. Tetapi apakah ia perlu bersikap angkuh tanpa menghiraukan hak dan keselamatan orang lain?

Pada awalnya ramai mengharapakan Amerika akan lebih mesra dan mahu bersahabat dengan semua negara atas dasar saling hormat menghormati. Tetapi apa yang wujud sekarang ialah Amerika yang bongkak dengan kekuatan dan kekuasaannya.

Dan tanpa segan silu lagi telah mengamalkan konsep ia berhak melancarkan serangan awal ke atas mana-mana negara yang dianggapnya boleh mengancam keselamatannya. Peristiwa 11 September telah dijadikan alasan yang memudahkan Rumah Putih melaksanakan dasar unilateralnya itu tanpa berselindung lagi.